

*TASAWWUR ISLAM: PENGHAYATAN
DALAM KEHIDUPAN*

Fathiyah Mohd Fakhruddin

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

PRAKATA

PENDAHULUAN

1

BAB 1: KONSEP TASAWWUR ISLAM

4

1.1 Apa itu tasawwur Islam?

4

*1.2 Persepsi masyarakat barat
terhadap Islam*

5

*1.3 Kepentingan memahami
tasawwur Islam yang sebenar*

11

Soalan Perbincangan

13

BAB 2: KONSEP ISLAM, IMAN DAN IHSAN

14

2.1 Apa itu Iman?

14

2.2 Apa itu Islam?

20

2.3 Apa itu ihsan?

24

Soalan Perbincangan

37

*BAB 3: RABBANIYYAH DAN PENGHAYATANNYA
DALAM KEHIDUPAN*

38

3.1 Apa itu rabbaniyyah?

38

3.2 Aspek rabbani dalam Islam

41

*3.3 Penghayatan rabbaniyyah
dalam kehidupan*

45

Soalan Perbincangan

46

BAB 4: CIRI INSANIYYAH PADA ISLAM

47

4.1 Apa itu insaniyyah?

47

4.2 Penghayatan insaniyyah dalam kehidupan	52
Soalan Perbincangan	53
BAB 5: CIRI WAQIYYAH PADA ISLAM	54
5.1 Apa itu waq'iyyah	54
5.2 Penghayatan waq'iyyah dalam kehidupan	57
Soalan Perbincangan	58
BAB 6: CIRI WASATIYYAH PADA ISLAM	59
6.1 Apa itu wasatiyyah?	59
6.2 Elemen wasatiyyah dalam sistem akidah, ibadah dan akhlak	65
6.3 Penghayatan wasatiyyah dalam kehidupan	72
Soalan Perbincangan	74
BAB 7: CIRI SYUMUL PADA ISLAM	75
7.1 Apa itu syumul?	75
7.2 Syumul dalam sistem akidah, ibadah dan akhlak	77
7.3 Penghayatan syumul Islam dalam kehidupan	79
Soalan Perbincangan	81
BAB 8: CIRI THABAT DAN MURUNAH (TETAP DAN FLEKSIBEL) PADA ISLAM	82
8.1 Apa itu thabat dan murunah?	82
8.2 Thabat dan murunah dalam Islam	83
8.3 Penghayatan ciri thabat dan murunah dalam kehidupan	84

<i>Soalan Perbincangan</i>	85	
<i>BAB 9: CIRI JELAS PADA ISLAM</i>		86
9.1 <i>Apa itu jelas?</i>		86
9.2 <i>Jelas pada perkara dasar</i>	87	
9.3 <i>Jelas pada matlamat</i>	90	
9.4 <i>Jelas pada sumber</i>	95	
9.5 <i>Jelas pada manhaj dan sistem</i>	98	
9.6 <i>Penghayatan kejelasan Islam dalam kehidupan</i>		99
<i>Soalan Perbincangan</i>	100	
<i>KESIMPULAN</i>		101
<i>RUJUKAN</i>		104

PRAKATA

Penulisan e-buku ini berkisar kepada kursus yang ditawarkan di Fakulti Pengajian Pendidikan iaitu Tasawwur Islam sebagai kursus Minor Pendidikan Islam dan kursus Elektif Terbuka kepada semua pelajar di Universiti Putra Malaysia (UPM). Kursus Tasawwur Islam telah ditawarkan sejak 1990-an dan masih ditawarkan sehingga kini tetapi hanya sebagai kursus Elektif kepada pelajar di semua fakulti di UPM. Hampir setiap semester bilangan pelajar yang mendaftar dan mengikuti kursus ini menjangkau lebih daripada 60 orang serta pernah mencapai angka 85 orang pelajar. Penulis sebagai pensyarah yang telah mengajar sejak tahun 2010 sehingga kini menyaksikan pertambahan pelajar untuk mengikuti kursus ini. Keperluan untuk mengambil kursus elektif sebagai syarat bergraduasi mendorong pelajar untuk memilih kursus Tasawwur Islam dan beberapa lagi kursus pengajian Islam yang ditawarkan di UPM. Ini adalah berdasarkan apa yang dikongsikan oleh sebahagian besar pelajar yang menjelaskan aspek keperluan bergraduasi serta kecenderungan untuk mengikuti kursus pengajian Islam sebagai usaha mereka mendalami ilmu fardu ain atau ilmu warisan wahyu.

Berdasarkan pengalaman penulis mengendalikan kursus ini, sebahagian besar pelajar telah memiliki pengetahuan asas tentang Islam khususnya yang diperolehi ketika persekolahan menengah mereka. Namun begitu, kursus ini memberi ruang dan kesempatan kepada mereka untuk memperdalam lagi pengetahuan mereka tentang Islam. Penulis sebagai pensyarah kursus sangat menekankan bahawa Islam perlu difokuskan sebagai satu cara hidup yang perlu difahami dan dihayati serta diterjemahkan dalam kehidupan seharian. Oleh yang demikian, setiap satu ciri-ciri keistimewaan Islam dikupas dan dibincangkan dalam setiap tajuk kuliah.

Penulisan e-buku ini diusahakan rentetan daripada pertanyaan beberapa orang pelajar satu ketika dahulu tentang buku teks atau rujukan untuk kursus ini. Penulis juga beranggapan penghasilan e-buku berasaskan nota kuliah adalah sesuatu yang dapat menyumbang kepada pemantapan ilmu dalam kalangan pelajar khususnya boleh menjadi rujukan mereka walaupun setelah selesai pengajian. Lebih-lebih lagi dalam konteks ilmu Islam yang bersifat fardu ain iaitu bukan setakat untuk keperluan kursus tetapi untuk dihayati dan diamalkan dalam kehidupan seharian. Malah dalam apa juga disiplin ilmu di dunia ini, pembukuan ilmu tersebut adalah satu platform bagi memastikan ilmu tersebut mampu disebarikan secara lebih meluas.

Berdasarkan hakikat tersebut, adalah menjadi keperluan yang signifikan untuk penulisan e-buku ini dihasilkan. Tambahan lagi dalam konteks zaman kini, perkembangan pesat penerbitan buku dalam bentuk elektronik sangat menonjol. Penerbitan buku dalam bentuk elektronik menjadi satu pilihan terutama golongan muda untuk memudahkan mereka merujuk pada bila-bila masa

dan di mana juga mereka berada asalkan mereka memiliki gajet seperti telefon pintar dan komputer riba. Penulis mengakui sememangnya terdapat beberapa buah buku lain di pasaran yang mengupas tentang konsep tasawwur Islam namun buku ini tetap memiliki sisi keunikan yang tersendiri. Buku ini secara khusus mengupas tentang Islam, iman dan ihsan serta setiap satu sisi keistimewaan Islam. Keunikan atau keistimewaan Islam ini dibincang agar pembaca dapat merasakan bagaimana istimewanya Islam sebagai satu cara hidup yang perlu dijadikan panduan sepanjang hayat. Itulah intipati e-buku ini supaya Islam bukan sekadar agama sebagaimana agama yang lain tetapi satu sistem yang lengkap, sederhana, praktikal dan jelas untuk diikuti oleh semua manusia walau di mana mereka diami serta di zaman manapun mereka berada.

PENDAHULUAN

Islam biasa disebut sebagai satu cara hidup atau sistem kehidupan yang lengkap dan menyeluruh. Kita biasa mendengar ungkapan yang disebut sebagai "*Islam is a complete way of life*". Namun begitu, adakah kita benar-benar memahami dan menghayati ungkapan tersebut dalam kehidupan sebenar kita? Apakah kita benar-benar menjadikan Islam sebagai sumber rujukan dalam menjalani kehidupan seharian? Apakah ketika berhadapan dengan masalah dan konflik dalam kehidupan kita kembali kepada Islam untuk mencari jawapan dan penyelesaiannya? Atau apakah Islam hanya dirujuk dalam urusan berkaitan ibadah solat, pengkebumian, doa membuka majlis atau dirujuk ketika kita sudah menghampiri usia tua? Apakah Islam kekal sebagai sesuatu yang bersifat peribadi dan tidak mampu menangani isu kemasyarakatan bahkan negara serta antarabangsa? Begitu banyak senarai persoalan yang dilontarkan agar kita sedar di mana kita memposisikan Islam dalam kehidupan kita di dunia ini.

Jika Islam difahami sebagai satu cara hidup maka ia bukan agama dalam pengertian dan skop yang sempit. Ini adalah kerana terminologi agama lazimnya dikaitkan dengan upacara ritual atau hanya menyentuh ruang komunikasi hamba dengan Tuhan, sedangkan Islam tidak begitu. Hakikatnya Islam tidak hanya membicarakan hubungan manusia dengan Tuhan tetapi juga menangani isu-isu hubungan manusia sesama manusia serta hubungan manusia dengan makhluk lain seperti alam dan haiwan. Islam mengemukakan peraturan untuk seluruh aspek

kehidupan iaitu kehidupan berkeluarga, bermasyarakat, kegiatan ekonomi, aktiviti berpolitik, lapangan pendidikan dan sebagainya.

Oleh itu, Islam lebih tepat untuk dihubungkan sebagai *al-din* berbanding agama kerana *al-din* bermaksud cara hidup sementara agama ialah upacara ritual. Walau bagaimanapun penggunaan agama pada Islam bukanlah satu kesalahan mutlak cuma perlu difahami bahawa Islam sebagai satu agama berbeza dengan agama yang lain. Ini adalah kerana Islam mengatur setiap inci dan ruang dalam kehidupan manusia di muka bumi. Pun begitu jangan pula ada salah tanggapan bahawa aturan Islam dalam segenap aspek kehidupan menggambarkan Islam itu bersifat *rigid* atau tidak fleksibel. Perlu difahami bahawa ketentuan Islam pada aspek-aspek utama dalam kehidupan tidak menafikan wujudnya fleksibiliti Islam dalam aspek-aspek tertentu. Perkara teras atau dasar berkaitan Islam bersifat tetap tetapi perkara cabang seperti berkaitan pelaksanaan ibadah dan syariat ada yang menerima kepelbagaian pandangan ulama. Maka itu yang menimbulkan beberapa mazhab fiqh yang diiktiraf iaitu mazhab Hanbali, Hanafi, Maliki dan Syafie.

Berbalik kepada hakikat Islam sebagai satu cara hidup, maka ia wajar dirujuk dan dijadikan manual dalam kehidupan seharian. Islam dirujuk bukan sekadar dalam konteks ibadah tetapi juga dalam alam pekerjaan, kegiatan ekonomi, kekeluargaan, politik dan sosial. Justeru itu, amat penting untuk setiap individu memahami secara tepat dan betul tentang Islam. Pandangan, tasawwur atau *world view* yang betul tentang Islam adalah satu bidang yang perlu

ditekankan kerana ia memberi implikasi besar kepada keseluruhan kehidupan dan pegangan hidup seorang muslim.

Oleh itu, buku ini cuba mengupas pandangan yang sahih tentang Islam iaitu merangkumi ciri-ciri Islam yang bersumberkan ketuhanan dan bagaimana dengan ciri Islam itu menjadikan Islam sebagai sistem hidup paling sesuai untuk manusia. Pandangan yang sahih tentang Islam penting agar kita sama-sama dapat menghayati semula tasawwur Islam dengan perspektif yang tepat dan diaplikasi dalam kehidupan. Kupasan tentang tasawwur Islam akan membantu kita menjawab persoalan yang dikemukakan di awal bab ini. Tasawwur atau perspektif yang betul tentang Islam ialah menyakini Islam sebagai sumber rujukan utama untuk kita menjalani kehidupan dunia untuk meraih kebaikan di dunia serta kebaikan di akhirat.

Oleh yang demikian, baharu kita dapat menjawab persoalan penting sebagai seorang hamba-Nya, “Di manakah Islam dalam kehidupan seorang hamba?” Dengan lain perkataan, di mana kita menempatkan Islam dalam kehidupan kita, adakah hanya pada masa tertentu dan di tempat yang tertentu? Atau apabila kita sudah bertemu jalan buntu dalam kehidupan baharu kita mencari Islam?

BAB SATU : KONSEP TASAWWUR ISLAM

1.1 Apa itu tasawwur Islam?

Tasawwur adalah perkataan yang berasal daripada bahasa Arab yang bermaksud gambaran dan rupa bentuk. Kata kerjanya ialah *sawwara* yang bermaksud menggambarkan. *Surah* pula bermaksud gambar atau rupa. Apabila perkataan tasawwur digandingkan dengan Islam maka ia merujuk kepada gambaran atau rupa bentuk Islam yang sebenar dan hakiki (Haron Din, 1992).

Apabila kita ingin memastikan bahawa kita mendapatkan tasawwur yang betul tentang Islam, kita sebenarnya perlu merujuk kepada gambaran yang sahih tentang Islam yang tentunya bersumberkan daripada sumber yang berautoriti iaitu al-Quran dan al-Hadis. Tanpa merujuk kepada Al-Quran, Al-Sunnah dan kitab muktabar para ulama, tidak mungkin gambaran yang tepat tentang Islam diperolehi. Bagaimana kita boleh mendapatkan gambaran yang betul tentang sesuatu sekiranya kita tidak merujuk kepada sumber yang betul dan tepat? Perkara ini sama dalam konteks apabila kita tidak memperoleh gambaran yang menyeluruh tentang sesuatu isu menyebabkan kita tidak bersikap adil dalam menangani isu berkenaan kerana

perspektif kita tidak tepat dan sempit. Sebagai contoh, bagaimana kita dapat menangani isu murtad dalam negara jika kita tidak mendapatkan gambaran yang tepat dan menyeluruh tentang faktor dalaman dan luaran serta pelbagai aspek lain yang berkaitan. Tanpa tasawwur dan gambaran yang benar tentang Islam, akan menyebabkan timbulnya persepsi atau tanggapan yang tidak tepat tentang Islam. Tanggapan yang tidak tepat tentang Islam biasanya akan menjurus kepada sesuatu yang bersifat songsang dan menyeleweng tentang Islam.

Sebagai contoh, apabila individu atau satu-satu kelompok masyarakat yang tidak mendapat gambaran yang tepat tentang Islam, akan lahir beberapa tanggapan tidak benar tentang Islam. Ini mendorong kepada timbulnya tanggapan bahawa Islam menolak kemajuan, Islam menolak kekayaan, Islam bersifat keras dan ganas, Islam bersifat kolot dan mundur dan pelbagai jenis tanggapan negatif apabila Islam tidak diketahui dengan jelas dan tepat.

Tasawwur atau gambaran yang betul tentang Islam secara umumnya merujuk kepada Islam sebagai sebagai satu cara hidup yang meliputi aspek akidah, ibadah, syariat dan akhlak. Islam menyentuh seluruh ruang kehidupan insan bermula daripada aspek akidah sehingga kepada seluruh peraturan hidup. Islam mengatur urusan hidup manusia sekecil-kecilnya daripada urusan tidur dan makan sehingga urusan negara dan politik antarabangsa. Islam mengetengahkan elemen kesederhanaan, kesempurnaan, ketuhanan, kemanusiaan dan kejelasan. Kesemua elemen atau aspek ini akan dihurai dan dikupas secara lebih mendalam dalam bab seterusnya.

1.2 Persepsi masyarakat barat terhadap Islam

Rata-rata persepsi masyarakat barat terhadap Islam ialah persepsi yang negatif. Islam dipandang sebagai agama yang zalim, kolot, ganas dan mundur. Umat Islam turut dianggap sebagai pengganas dan menolak kemajuan. Sebagai contoh, Islam dipandang ganas sejak peristiwa 11 September 2001. Ini diburukkan lagi dengan peranan media massa yang banyak mengeruhkan suasana atau memperdaya dengan berita yang tidak benar tentang keganasan umat Islam (Aiman, Mohammad Syahmi & Kamarul Azmi, 2012).

Persepsi dan pandangan sedemikian berpunca daripada banyak faktor. Antaranya ialah faktor sejarah permusuhan yang panjang golongan bukan Islam terhadap orang Islam (Haron Din, 1992). Permusuhan berkenaan bermula sejak pengutusan rasul membawa risalah Islam. Kaum musyrikin Mekah tidak berhenti melancarkan serangan dalam pelbagai bentuk seperti kata-kata hinaan, sindiran, pemulauan, penyeksaan kepada golongan lemah seperti hamba hingga ke tahap cubaan membunuh Nabi sendiri. Setelah zaman Islam di Mekah, disusuli pula dengan zaman Islam di Madinah, iaitu orang Islam berhadapan pula dengan kelompok Yahudi Madinah yang sentiasa mengintai peluang untuk menjatuhkan Islam.

Setelah itu, kita melihat pula zaman Perang Salib yang memakan masa hampir 200 tahun iaitu siri peperangan kelompok muslim dengan kelompok Kristian. Perang Salib ialah rangkaian peperangan antara Islam dengan barat yang bermula dari tahun 1096 dan berakhir pada tahun

1291. Motif perang tersebut sebenarnya telah dirakam dengan jelas dalam surah Al-Baqarah ayat 120 iaitu:

وَلَنْ تَرْضَىٰ عَنْكَ الْيَهُودُ وَلَا النَّصَارَىٰ حَتَّىٰ تَتَّبِعَ مِلَّتَهُمْ قُلْ
إِنَّ هُدَىٰ اللَّهِ هُوَ الْهُدَىٰ وَلَئِنِ اتَّبَعْتَ أَهْوَاءَهُمْ بَعْدَ الَّذِي جَاءَكَ مِنَ الْعِلْمِ
مَا لَكَ مِنَ اللَّهِ مِن وَلِيٍّ وَلَا نَصِيرٍ ﴿١٢٠﴾

Orang-orang Yahudi dan Nasrani tidak sekali-kali akan bersetuju atau suka kepadamu (wahai Muhammad) sehingga engkau menurut agama mereka (yang telah terpesong itu). Katakanlah (kepada mereka): "Sesungguhnya petunjuk Allah (agama Islam itulah petunjuk yang benar". Dan demi sesungguhnya jika engkau menurut kehendak hawa nafsu mereka sesudah datangnya (wahyu yang memberi) pengetahuan kepadamu (tentang kebenaran), maka tiadalah engkau akan peroleh dari Allah (sesuatupun) yang dapat mengawal dan memberi pertolongan kepada mu

Begitu juga Allah menyebut perkara yang sama dalam surah al-Maidah ayat 82 :

﴿لَتَجِدَنَّ أَشَدَّ النَّاسِ عَدَاوَةً لِّلَّذِينَ ءَامَنُوا الْيَهُودَ وَالَّذِينَ أَشْرَكُوا
وَلَتَجِدَنَّ أَقْرَبَهُم مَّوَدَّةً لِّلَّذِينَ ءَامَنُوا الَّذِينَ قَالُوا إِنَّا نَصَارَىٰ ذَٰلِكَ بِأَنَّ
مِنْهُمْ قَسِيصِينَ وَرُهَبَانًا وَأَنَّهُمْ لَا يَسْتَكْبِرُونَ ﴿٨٢﴾﴾

Demi sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) akan dapati manusia yang keras sekali permusuhannya kepada orang-orang yang beriman ialah orang-orang Yahudi dan orang-orang musyrik. Dan demi sesungguhnya engkau akan dapati orang-orang yang dekat sekali kasih mesranya kepada orang-orang yang beriman ialah orang-orang yang berkata: "Bahawa kami ini ialah orang-orang Nasrani" yang demikian itu, disebabkan

ada di antara mereka pendita-pendita dan ahli-ahli ibadat, dan kerana mereka pula tidak berlaku sombong.

Perang Salib yang memakan masa yang begitu lama iaitu hampir 200 tahun diakhiri dengan kemenangan oleh pihak Islam dengan izin Allah s.w.t. Namun, apa yang penting di sini setelah kemenangan berpihak kepada tentera Islam dalam perang yang mencatat sejarah besar dunia ini, ia membuka satu lembaran cabaran baharu untuk pihak Islam.

Ternyata Perang Salib memberi pengajaran kepada barat bahawa sumber kekuatan umat Islam pada akidah mereka. Oleh yang demikian, senjata bagi menjatuhkan atau melemahkan kekuatan umat Islam ialah menerusi perang pemikiran atau *al-ghazwu al-fikr*. Inilah yang disebut di atas tentang cabaran baharu yang ditempuh oleh umat Islam setelah berakhir perang Salib sehingga hari ini.

Antara langkah drastik yang diambil oleh barat sesuai dengan strategi perang pemikiran tersebut ialah menubuhkan jabatan pengajian Islam di pusat pengajian tinggi di barat. Kajian tentang pengajian Islam dilakukan khusus bagi menyelewengkan maklumat tentang Islam. Sebagai contoh penulisan sarjana mereka yang mendalami pengajian Islam khusus untuk memutarbelitkan fakta di dalam al-Quran dan al-Sunnah. Hukum Islam ditonjolkan sebagai bersifat kejam dan kolot. Hukum Islam dikatakan hanya sesuai pada zaman Rasul. Fakta berkaitan sejarah Islam turut diselewengkan. Barat juga mencanangkan bahawa pemikiran yang berasaskan al-Quran dan al-Sunnah tidak bersifat akademik dan tidak boleh dijadikan hujah (Haron Din, 1992).

Langkah lain yang dilaksanakan barat ialah mengambil ilmu Islam yang mereka kuasai untuk memajukan kehidupan mereka. Usaha menterjemahkan kitab ilmu Islam dilakukan secara intensif dan disebarluaskan dalam kalangan mereka. Akhirnya, umat Islam yang hendak mempelajari ilmu susunan sarjana Islam perlu ke barat untuk mempelajari ilmu berkenaan.

Secara lebih jelas, terdapat beberapa gambaran negatif yang disebarkan barat tentang Islam. Antaranya ialah tentang Nabi Muhammad s.a.w. Gambaran buruk yang disebarkan barat bukan hanya terhadap Islam tetapi juga terhadap peribadi Nabi Muhammad s.a.w. Antara dakwaan yang pernah dibuat terhadap Nabi ialah baginda dikatakan mencipta agama sendiri dan pelbagai tuduhan yang lain.

Selain itu, Al-Quran pula dikatakan direka-reka oleh baginda s.a.w. iaitu hanya bertaraf riwayat dongeng. Mereka cuba menonjolkan seolah-olah terdapat pertentangan antara ayat al-Quran seperti ayat tentang jihad dengan ayat yang menyuruh baginda s.a.w. berdakwah. Begitu juga mereka menonjolkan ayat tentang kebebasan beragama dengan peperangan yang berlaku dalam sejarah Islam.

Selain daripada Al-Quran, Al-Sunnah pula digambarkan sebagai perkataan yang direkod daripada sahabat setelah zaman baginda s.a.w. Oleh itu kebenaran hadis dipertikaikan. Mereka mempersoalkan bagaimana hadis boleh diakui sebagai kata-kata baginda s.a.w. sedangkan sahabat baginda s.a.w. sebagai manusia tentu ada yang tersalah dan tersilap dalam mencatat

dan menghafaz. Oleh yang demikian, mereka menuduh sahabat baginda s.a.w. sebagai pembohong. Hadis palsu (*mauduk*) dan hadis lemah (*dhaif*) dikumpulkan sebagai bukti banyak hadis yang bersifat kontradik antara satu sama lain.

Selain daripada itu, agama dicanangkan sebagai rekaan manusia yang tidak cerdas. Mengikut teori yang direka mereka, setelah manusia mencapai tahap kematangan dan kedewasaan pemikiran, mereka dikatakan tidak lagi memerlukan agama. Peringkat ini dipanggil sebagai positivisme. Ini bermaksud manusia yang telah matang pemikirannya, tidak memerlukan agama tetapi cukup dengan akal fikiran untuk membimbing hidup mereka. Pemikiran seperti ini yang meracuni kelompok manusia tanpa mereka sedar iaitu mereka sangat mengagungkan logik dan rasional akal yang mereka miliki bagi menangani isu dalam kehidupan seharian. Sedangkan hakikatnya pemikiran manusia ada batasnya dan pemikiran tidak mampu merungkai kesemua persoalan dalam kehidupan.

Dakwaan dan tuduhan yang dilemparkan barat itu dapat ditangkis dengan mudah jika kita benar-benar mengetahui tentang Islam. Dakwaan bahawa Nabi Muhammad yang mencipta Al-Quran tidak dapat diterima kerana Nabi Muhammad tidak tahu membaca dan menulis. Manakala dakwaan bahawa terdapat ayat Al-Quran yang bertentangan antara satu sama lain ia menunjukkan bahawa perlunya memahami ayat dengan merujuk kepada kitab tafsir. Seterusnya tuduhan bahawa hadis tidak boleh diakui kerana kebarangkalian untuk sahabat tersilap dan terlupa adalah sesuatu yang tidak boleh diterima kerana disiplin ilmu hadis yang sangat ketat daripada segi perawi yang merekodkan hadis serta matan hadis yang perlu

memenuhi syarat yang ketat sehingga boleh diterima. Selain daripada itu, dakwaan bahawa agama tidak diperlukan ketika manusia telah mencapai kematangan berfikir adalah sesuatu yang tidak benar kerana pemikiran manusia ada kelemahan dan kekurangannya dalam menangani banyak perkara dalam kehidupan.

Maka dengan itu kita lihat bagaimana sehingga pada hari ini barat tidak pernah berhenti dan berputus asa untuk melemahkan umat Islam sama ada kita sedari atau tanpa kita sedari. Usaha barat itu termasuklah dalam bidang hiburan, media massa, gaya hidup, fesyen, makanan, filem, sukan dan juga apa juga bidang kehidupan sehingga kita akhirnya terjajah tanpa kita sedari.

Menurut Al-Hilali (2017) musuh Islam hakikatnya bersatu untuk memusnahkan Islam dari luar dan dalam. Mereka meneriakkan seruan 'hancurkan Islam dan hapuskan penganutnya!'. Mutakhir ini banyak isu yang secara jelas membuktikan Islam sedang dihancurkan dan dipersendakan seperti isu di Palestin yang mana kuasa besar di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu tidak membela Palestin sebaliknya menyokong kuat Yahudi Zionis untuk mengusir dan menindas umat Islam di Palestin. Begitu juga isu umat Islam di Myanmar dan India. Kejadian di salah sebuah masjid di New Zealand pada tahun 2019 juga salah satu bukti kebencian orang bukan Islam terhadap orang Islam sehingga terjadinya kejadian tembakan oleh orang awam.

Justeru itu, umat Islam perlu mengembalikan kegemilangan dan kecemerlangan Islam dengan memastikan peranan umat Islam khasnya golongan pemuda Islam. Seluruh umat Islam

khususnya pemuda Islam perlu sanggup berkorban dan berjuang untuk menuntut ilmu dan mempertahankan Islam dengan ilmu, jiwa dan harta mereka.

1.3 Kepentingan memahami tasawwur Islam yang sebenar

Adalah menjadi prioriti kepada setiap individu Islam untuk memahami apa itu Islam yang sebenar tanpa dipengaruhi oleh aliran pemikiran yang menyeleweng pada masa kini. Oleh kerana keperluan untuk memahami Islam yang sebenar, maka mempelajari tasawwur Islam menjadi satu kemestian yang tidak boleh dinafikan. Dengan mempelajari tasawwur Islam, pertama sekali, kita akan beramal dengan Islam yang betul. Oleh itu, pegangan, ibadah, pemikiran dan cara hidup kita terpimpin dengan roh Islam. Maka, tidak berlaku individu yang menganut ajaran sesat, pemikiran liberal dan sekular serta cara hidup bertuhankan akal dan nafsu semata-mata. Apa yang utama juga apabila kita mendapat gambaran yang betul tentang Islam, kita dapat memberi imej yang baik tentang Islam kepada masyarakat khususnya masyarakat bukan Islam.

Begitu juga apabila kita mempelajari tasawwur Islam, ia membantu kita menangani isu dan permasalahan dalam kehidupan menurut perspektif Islam. Ini bermakna keputusan dan tindakan yang diambil ketika menghadapi sebarang konflik atau permasalahan berasaskan kepada kerangka pemikiran Islam. Oleh yang demikian, keputusan besar dan penting yang diputuskan berdasarkan musyawarah dan istikharah sebagaimana yang diisyaratkan oleh Ibnu

Taymiyyah iaitu, 'Tidak menyesal orang yang selalu istikharah kepada Khaliq dan bermusyawarah kepada makhluk serta teguh dalam perkaranya' (Hamka, 2019).

Selanjutnya, apabila kita mendapat gambaran yang betul tentang Islam, kita akan berusaha sedaya upaya mengelakkan sebarang bentuk konflik dan pertentangan khasnya ketika berhadapan dengan pandangan negatif masyarakat Islam dan bukan Islam. Pandangan negatif masyarakat sepatutnya ditangani dengan pendekatan bijaksana serta bertahap sehingga penjelasan tentang Islam sebenar dapat dikemukakan. Kita tahu dan sedar ancaman daripada musuh Islam baik dari dalam mahupun dari luar dengan memperdaya akidah menerusi pemikiran yang disadur dengan nama Islam. Pemikiran saduran Islam tersebut hakikatnya adalah fahaman sekular yang sedang giat menular dalam masyarakat Islam kita hari ini (Abdul Hadi, 2008). Antara contoh pemikiran saduran Islam yang menyesatkan akidah ialah pemikiran Islam Liberal, Pluralisme Agama dan Islam Moderat.

Akhirnya dengan mempelajari tasawwur Islam, kita meletakkan Islam pada kedudukan yang betul. Islam tidak hanya digunapakai dalam situasi tertentu. Sekiranya Islam digunakan pada situasi tertentu sahaja, ini bermakna pemikiran sekular telah mula meresap dalam masyarakat. Akhirnya kita menjauhkan diri daripada Islam tanpa menolak Islam. Itulah yang perlu difahami oleh kita semua bagi menghayati semula maksud Islam yang sebenar. Apabila umat Islam merujuk Islam dan sekaligus meletakkan Islam pada kedudukan yang tinggi maka Islam akan dihormati dan dikagumi oleh orang Islam dan bukan Islam.

SOALAN PERBINCANGAN

- 1) *Bincangkan secara jelas bentuk cabaran yang dihadapi oleh masyarakat Islam kini daripada pihak bukan Islam.*
- 2) *Bincangkan usaha yang boleh dilakukan untuk membetulkan gambaran yang salah tentang Islam.*
- 3) *Kemukakan pandangan anda tentang sekelompok umat Islam yang mempunyai pandangan negatif tentang Islam seperti pandangan agar tafsiran ayat Al-Quran diberi nafas baharu sesuai dengan zaman kini. Mengapa wujud pandangan begitu dan bagaimana anda menanganinya?*

BAB DUA : KONSEP IMAN, ISLAM DAN IHSAN

2.1 Apa itu iman?

Iman secara ringkas merujuk kepada percaya dan yakin. Percaya dan yakin tersebut hakikatnya bermula dengan tahu dan ada ilmu. Manusia tidak mampu memberi ketaatan tanpa dia terlebih dahulu tahu tentang apa yang sepatutnya dia tahu sehingga mampu sampai ke tahap yakin dan percaya. Sebagai contoh individu yang tiada ilmu tentang hari Akhirat, maka pada pemikirannya maksiat dan ketaatan tiada beza dan sekaligus menyangka bahawa tempat kedua-dua orang yang berbuat maksiat dan taat selepas mati adalah sama (Al-Maududi, 2006).

Iman diterjemahkan dalam bentuk pengakuan dan pengiktirafan bahawa Allah s.w.t. pencipta, pentadbir, pemberi rezeki, pemberi perlindungan dan pengampun dosa. Pengiktirafan dan pengakuan tersebut yang melahirkan amalan (Sakinah, 2011). Oleh itu, iman perlu disertai dengan perbuatan atau amalan yang diperintahkan Allah. Tanpa amalan, iman atau membenaran itu tidak mencukupi (Al-Zindani, 1996). Dalam surah al-Hujurat ayat 15 Allah s.w.t. berfirman:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ آمَنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ ثُمَّ لَمْ يَرْتَابُوا وَجَاهَدُوا
بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ أُولَئِكَ هُمُ الصَّادِقُونَ



Sesungguhnya orang yang sebenar-benarnya beriman hanyalah orang yang percaya kepada Allah dan Rasul-Nya, kemudian mereka terus percaya tanpa ragu-ragu lagi serta mereka berjuang dengan harta benda dan jiwa mereka pada jalan Allah, mereka ialah orang yang benar (pengakuan imannya)

Berdasarkan ayat Allah di atas, ternyata iman tidak boleh bercampur dengan elemen keraguan dan sangkaan. Begitu juga dalam ayat di atas adanya penegasan tentang bukti keimanan iaitu kerelaan untuk berkorban harta dan jiwa bagi menegakkan Islam.

Al-Zindani (1996) seterusnya menyenaraikan tiga jenis amalan iaitu amalan hati, lidah dan anggota yang menjadi bukti kepada iman iaitu:

- a) Amalan hati merujuk kepada rasa takut, *raja'* (berharap) dan tawakal kepada Allah
- b) Amalan lidah pula merujuk kepada istighfar, tasbih dan doa

- c) Amalan anggota merangkumi solat, puasa, zakat, haji, jihad, menuntut ilmu, berniaga, bercucuk tanam dan lain-lain aktiviti bagi melaksanakan tuntutan agama agar umat Islam tidak tertindas

Tegasnya, iman berkait dengan elemen keyakinan dan pengiktirafan tanpa ada unsur keraguan yang diterjemahkan dalam bentuk amalan hati, lidah dan anggota tubuh badan seseorang individu. Sekiranya satu-satu keyakinan masih wujud unsur ragu-ragu dan was-was, ia tidak menghasilkan amalan hati, lidah dan anggota yang ikhlas dan bersungguh.

Pertambahan dan pengurangan iman

Selanjutnya perbincangan tentang iman tidak boleh terpisah daripada membincangkan aspek pertambahan dan pengurangan iman. Terdapat segelintir ulama yang berpandangan bahawa iman tidak boleh dipecah atau diurai-uraikan maka mereka menyatakan bahawa iman tidak bertambah dan berkurang. Namun, sebahagian besar atau *jumhur* ulama menjelaskan pendirian bahawa iman boleh bertambah dan boleh juga berkurang. Antara bukti yang jelas ialah firman Allah dalam surah al-Anfal, ayat 2 iaitu:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ إِذَا ذُكِرَ اللَّهُ وَجِلَّتْ قُلُوبُهُمْ وَإِذَا تُلِيَتْ عَلَيْهِمْ
آيَاتُهُ زَادَتْهُمْ إِيمَانًا وَعَلَىٰ رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ ﴿٢﴾

Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu (yang sempurna imannya) ialah mereka yang apabila disebut nama Allah (dan sifat-sifatNya) gementarlah hati mereka; dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayatNya, menjadikan mereka bertambah iman, dan kepada Tuhan mereka jualah mereka berserah.

Ayat 2 surah Al-Anfal di atas menerangkan bahawa tanda keimanan yang sempurna dan teguh ialah apabila individu itu gementar apabila disebut nama Allah kepadanya serta bertambah keyakinannya apabila dibacakan ayat-ayat Allah. Ayat ini secara tidak langsung membuktikan bahawa iman itu boleh bertambah dan ada bukti penambahan iman. Oleh kerana adanya bukti penambahan iman individu, maka tentu iman juga boleh berkurang.

Sementara itu, dosa dan maksiat boleh melemahkan iman sebagaimana hadis merekodkan yang bermaksud:

Tidak berzina orang yang berzina itu ketika dia beriman

Iman yang benar dan teguh memerlukan ilmu. Tanpa ilmu, iman yang dipegang adalah secara ikutan tanpa disertai dengan dalil, hujah dan penjelasan. Iman ikutan turut dikenali sebagai taklid. Orang yang bertaklid dengan satu-satu kepercayaan mudah goyah terutamanya apabila ditimpa ujian. Individu berkenaan turut mudah mempercayai satu-satu ajaran yang disampaikan kerana tidak mempunyai ilmu tentang apa yang dipegang. Di dalam surah al-Zumar ayat 9 Allah menjelaskan :

أَمَّنْهُوَ وَقَنْتِءَانَاءَ اللَّيْلِ سَاجِدًا وَقَائِمًا يَحْذَرُ الْآخِرَةَ وَيَرْجُو
رَحْمَةَ رَبِّهِ ۗ قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ ۗ
إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُولُو الْأَلْبَابِ ﴿٩﴾

"(Engkaukah yang lebih baik) atau orang yang taat mengerjakan ibadat pada waktu malam dengan sujud dan berdiri sambil takutkan (azab) hari akhirat serta mengharapkan rahmat Tuhannya? "Katakanlah lagi (kepadanya): "Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui?" Sesungguhnya orang-orang yang dapat mengambil pelajaran dan peringatan hanyalah orang-orang yang berakal sempurna.

Di akhir ayat 9 surah al-Zumar, Allah mengajukan persoalan yang tidak boleh dipertikaikan iaitu sememangnya tidak akan sama orang yang berilmu dengan orang yang tidak berilmu. Hanya orang yang berilmu mampu berfikir sempurna dan mengambil iktibar daripada apa yang disampaikan oleh Allah.

Berdasarkan huraian yang dikemukakan, jelas kepada kita bahawa iman boleh meningkat dan boleh pula menurun mengikut ilmu yang dimiliki serta amalan yang dilaksanakan. Orang yang menyakini sesuatu dengan ilmu dan dalil akan mempunyai keyakinan yang jitu sehingga terserlah pada perkataan dan perbuatan yang baik dan disenangi ramai.

Perkara yang boleh membatalkan iman

Seterusnya perbincangan tentang iman juga tidak dapat dipisahkan dengan aspek perkara yang boleh menyebabkan iman terbatal. Terdapat empat aspek yang boleh membatalkan iman. Pertamanya ialah apabila individu bertindak mengingkari rububiyah Allah. Al-Qaradawi (2000) menjelaskan bahawa tauhid rububiyah merujuk kepada keesaan Allah daripada segi rububiyah. Ini bermaksud Allah yang menjadikan setiap sesuatu di alam ini serta menentukan kadarnya. Tiada satu makhluk yang boleh mendakwa bahawa dia berkuasa memberi rezeki dan mentadbir perjalanan alam. Oleh itu, mengingkari rububiyah Allah bermaksud mendakwa bahawa Allah bukan pentadbir, pemilik alam dan pemberi rezeki kepada semua makhluk.

Aspek kedua yang boleh membatalkan iman ialah apabila individu mengingkari uluhiyyah Allah. Keesaan Allah pada uluhiyyah merujuk kepada tiada pergantungan yang lain selain kepada Allah dan tiada kepatuhan yang mutlak kecuali pada hukum ciptaan-Nya (Al-Qaradawi, 2000). Surah Ali Imran ayat 64 menghuraikan bahawa tiada suatu makhluk yang berhak diagungkan selain daripada-Nya iaitu tidak pada tuhan batu, pokok, bulan, bintang dan manusia. Oleh itu, perbuatan mengingkari uluhiyyah Allah ialah perbuatan menafikan bahawa hanya Allah yang berhak disembah.

Aspek ketiga yang juga boleh menyebabkan iman terbatal ialah apabila mengingkari kerasulan para rasul. Pengutusan para rasul kepada umat manusia ialah untuk memberi ingatan dan

amaran atau menyampaikan khabar gembira (*basyir*) dan khabar duka (*nazir*). Jadi, apabila mana-mana individu menafikan mana-mana 25 rasul yang wajib diyakini sama ada aspek kitab yang diutuskan atau dakwah yang disampaikan maka ia akan membatalkan keimanan. Antara contoh ajaran sesat yang ada di Malaysia ialah ajaran yang diberi nama Jamaah Al-Quran iaitu hanya menerima Quran dan menolak hadis. Perbuatan menolak hadis termasuk perbuatan mengingkari rasul walaupun pengikut Jamaah tersebut mengakui menerima Nabi Muhammad. Namun begitu, pertikaian terhadap kata-kata, perbuatan dan pengakuan Nabi Muhammad sebagai salah satu sumber hukum adalah satu bukti jelas mengingkari kerasulan Nabi Muhammad. Jika dikaji pemikiran golongan tersebut ternyata mereka terpengaruh dengan pemikiran barat dan orientalis yang mempertikaikan kesahihan hadis dan syafaat Nabi Muhammad.

Aspek terakhir dan keempat yang boleh membatalkan iman ialah apabila mengingkari nama yang indah dan sifat yang sempurna bagi Allah. Oleh itu, jika mana-mana individu yang mempertikaikan sifat Allah Maha Mendengar, Maha Mengetahui dan Maha Melihat serta Maha Berkuasa atau menyamakan pendengaran, penglihatan, ilmu dan kekuasaan Allah dengan makhluk, maka imannya dikira terbatal. Begitu juga apabila individu tidak mempercayai mana-mana 99 nama Allah yang indah atau Asma al-Husna dikira imannya terbatal atau ditolak.

2.2 Apa itu Islam?

Islam adalah nama kepada agama yang Allah turunkan kepada Rasul s.a.w. Islam bukan dinisbahkan kepada nama pembawanya atau kepada nama umat yang tertentu. Islam diturunkan kepada seluruh bangsa manusia tanpa terbatas kepada wilayah , daerah dan zaman tertentu.

Islam ialah nama yang Allah sendiri berikan yang direkodkan di dalam Al-Quran. Dalam surah Ali Imran ayat 19, Allah menjelaskan:

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ وَمَا اخْتَلَفَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ إِلَّا مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَهُمُ الْعِلْمُ بَغْيًا بَيْنَهُمْ وَمَنْ يَكْفُرْ بِآيَاتِ اللَّهِ فَإِنَّ اللَّهَ سَرِيعُ الْحِسَابِ ﴿١٩﴾

Sesungguhnya agama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam. Dan orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang diberikan Kitab itu tidak berselisih (mengenai agama Islam dan enggan menerimanya) melainkan setelah sampai kepada mereka pengetahuan yang sah tentang kebenarannya; (perselisihan itu pula) semata-mata kerana hasad dengki yang ada dalam kalangan mereka. Dan (ingatlah), sesiapa yang kufur ingkar akan ayat-ayat keterangan Allah, maka sesungguhnya Allah amat segera hitungan hisabNya.

Islam daripada aspek bahasa Arab diambil daripada kata *salima* yang bermaksud selamat. Islam juga berasal daripada kata *aslama* yang membawa maksud penyerahan diri atau kepatuhan (Ahmad Adnan, 2004). Oleh itu, Islam ialah *din* atau cara hidup yang menuntut kepatuhan dan penyerahan diri yang tidak berbelah bahagi kepada Allah dan ia memberikan rasa selamat dan ketenangan kepada sesiapa yang berada di dalamnya. Secara lebih jelas, individu muslim ialah

orang yang tunduk patuh melaksanakan semua perintah Allah serta meninggalkan semua larangan-Nya. Kepatuhan tersebut adalah mutlak kepada Allah s.w.t. dan tiada kepatuhan kerana takutkan manusia, pangkat atau harta manusia, Islam hakikatnya ialah praktis kepada keyakinan dan keimanan (Sakinah, 2011). Seterusnya, apabila individu berada dalam Islam, maka dia dapat menikmati ketenangan dan kedamaian hidup. Ketenangan dan kedamaian hidup ini didapati kerana Islam mengajar tentang kebergantungan hidup kepada Yang Maha Kuasa di samping Islam menawarkan mesej keadilan, kesederhanaan, kejelasan, kesempurnaan yang dapat memberi rasa tenteram di hati.

Dalam surah Ali Imran ayat 19 di atas, adalah petunjuk jelas bahawa Islam satu-satunya cara hidup yang diiktiraf oleh Allah dan bukan agama atau cara hidup yang lain. Oleh itu, jika mana-mana individu yang menerima Islam sebahagian dan menolak sebahagian yang lain, maka belum sempurna Islam pada dirinya. Contohnya apabila individu yang beribadat solat, berzikir dan menjaga soal kesucian makanan tetapi dalam masa yang sama menguruskan pekerjaan dan perniagaan berdasarkan kepentingan peribadi dan duniawi maka Islamnya tidak lengkap (Qutb & Al-Maududi, 2015). Ini bermaksud dia berniaga tetapi mengamalkan penipuan seperti menipu harga dan kualiti barang jualan kepada pelanggan. Allah membuat penegasan bahawa mana-mana individu yang memilih agama selain Islam maka Allah tidak meredainya serta dalam kalangan kelompok yang rugi pada hari Akhirat nanti. Ini difahami menerusi surah Ali Imran ayat 19 iaitu:

وَمَنْ يَبْتَغِ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ
الْخَسِرِينَ ﴿٨٥﴾

Dan sesiapa yang mencari agama selain agama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya, dan ia pada hari akhirat kelak dari orang-orang yang rugi.

Hakikat penyerahan mutlak atau *total submission* dirakam Allah dalam surah al-Bayyinah ayat 5 iaitu:

وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ حُنَفَاءَ وَيُقِيمُوا الصَّلَاةَ
وَيُؤْتُوا الزَّكَاةَ وَذَلِكَ دِينُ الْقَيِّمَةِ ﴿٥﴾

Pada hal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhlaskan ibadat kepadaNya, lagi tetap teguh di atas tauhid; dan supaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat. Dan yang demikian itulah Agama yang benar.

Begitu juga dalam surah Ali Imran ayat 83, diulangi perkara yang sama iaitu:

أَفَغَيْرَ دِينِ اللَّهِ يَبْتَغُونَ وَلَهُ أَسْلَمَ مَنْ فِي السَّمَاوَاتِ
وَالْأَرْضِ طَوْعًا وَكَرْهًا وَإِلَيْهِ يُرْجَعُونَ ﴿٨٣﴾

Patutkah sesudah (mengakui dan menerima perjanjian) itu, mereka mencari lain daripada agama Allah? Padahal kepada-Nyalah tunduk taat sekalian makhluk yang ada di langit dan di bumi, sama ada dengan sukarela ataupun terpaksa, dan kepada-Nya lah mereka dikembalikan.

Apa yang boleh dirumuskan daripada kedua-dua ayat di atas ialah individu muslim hendaklah memberikan ketaatan hanya kepada Allah serta mengakui kedaulatan Allah. Sesiapa yang mempertikaikan kedaulatan Allah, maka tidak akan diterima agamanya. Apakah contoh

individu yang mempertikaikan kedaulatan Allah? Contohnya apabila individu mengagungkan undang-undang manusia sedangkan undang-undang Allah telah tersedia. Contoh yang lain apabila individu menyanjung tinggi kehebatan sistem ekonomi konvensional berbanding sistem ekonomi Islam. Begitu juga apabila individu yang mengiktiraf politik sosialis dan menafikan politik Islam.

Apabila kita merujuk kepada struktur ajaran atau agama Islam itu sendiri, ia mengandungi empat aspek utama iaitu akidah, ibadah, syariah dan akhlak. Akidah secara umum memperkatakan tentang aspek keyakinan individu. Secara khusus pula, akidah membincangkan soal ketuhanan, kerasulan dan perkara ghaib iaitu tersimpul dalam rukun-rukun iman. Ibadah pula berkisar kepada hubungan manusia dengan Allah yang merangkumi ibadah khusus dan ibadah umum. Ibadah khusus ialah seperti solat, puasa, zakat dan haji. Manakala ibadah umum ialah seluruh kegiatan hidup manusia seharian yang tidak bertentangan dengan syariat dan dilakukan semata-mata kerana Allah s.w.t.

Selanjutnya syariat pula memperkatakan aspek-aspek bagi menyusun atur hubungan manusia sesama manusia. Ia meliputi hukum-hukum kekeluargaan, jenayah, muamalah seperti riba', gadaian dan pelaburan, hukum-hukum kenegaraan serta hukum berkaitan hubungan politik antarabangsa. Sebagai contoh, dalam syariat kekeluargaan adanya hukum berkaitan nikah, mas kahwin, nafkah kepada isteri dan anak-anak, talak dan hadhanah (penjagaan anak). Dalam syariat muamalah pula ada hukum berkaitan jual beli, riba, syarikat, sewa, gadaian, takaful dan

pelaburan. Manakala dalam syariat jenayah terdapat hukum berkaitan kesalahan mencuri, berzina, merompak, murtad, minum arak dan membunuh.

Seterusnya akhlak ialah peraturan yang berkaitan dengan adab, tata susila bersama-sama Allah, sesama manusia serta hubungan dengan makhluk lain seperti alam dan haiwan. Akhlak dalam Islam tidak hanya bersangkutan dengan akhlak keagamaan seperti soal kehalalan makanan tetapi juga berkaitrapat dengan hubungan sosial masyarakat dan negara. Sebagai contoh, akhlak terhadap Allah seperti beribadah kepada Allah, berdoa kepada-Nya, berharap, cinta dan kasih kepada Allah s.w.t. Akhlak kepada manusia merangkumi akhlak kepada ibubapa, guru, orang yang lebih tua, rakan, jiran dan anak-anak yatim. Akhlak kepada ibubapa ialah dengan bercakap dengan perkataan yang lembut dan mulia, menghormati ibubapa, menjaga ibubapa ketika mereka sakit dan banyak lagi aspek akhlak dengan ibubapa yang merujuk cara kita berbakti kepada mereka. Berakhlak dengan guru ialah menghormati guru dengan tingkah laku dan perkataan, bertanya kepada guru bukan untuk tujuan mencabar dan menguji guru serta tidak membanding- bandingkan guru.

2.3 Apa itu ihsan?

Apabila memperkatakan tentang ihsan, kita akan biasa merujuk kepada salah sebuah hadis yang terkenal. Hadis tersebut memperihalkan pertanyaan Jibril a.s. kepada Rasulullah s.a.w., yang mana ihsan dijawab oleh baginda s.a.w. sebagai “Kamu beribadat kepada Allah seolah-olah kamu melihat Dia dan jika kamu tidak melihat Dia sesungguhnya Dia melihat

kamu". Hadis terkenal berkenaan didahului dengan persoalan tentang iman dan Islam lalu disusuli dengan isu tentang ihsan. Ihsan ialah peringkat tertinggi dalam konteks keyakinan dan amalan. Kita boleh menyatakan bahawa sebelum ihsan, ia dimulai dengan iman atau keyakinan dan Islam atau amalan. Oleh yang demikian, ihsan ialah kesempurnaan keyakinan dan amalan atau ibadah seseorang individu.

Jika difahami daripada hadis tersebut, ihsan bermaksud satu keadaan yang menuntut individu merasakan pemerhatian atau *muraqabah* Allah sehingga ibadat yang dilakukan dalam kerangka pemerhatian tersebut. Ini bermakna apabila individu merasakan yang Allah sentiasa memerhati, individu tersebut akan melaksanakan ibadah khusus atau umum secara sempurna dan bersungguh tanpa ada unsur yang melanggar syariat kerana yakin adanya pemerhatian Allah terhadap apa yang dikerjakan (Sakinah, 2011).

Ihsan atau dikenali sebagai ikhlas dijelaskan oleh al-Qaradawi (2010) sebagai proses individu memastikan perbuatan yang dilakukan semata-mata mencari reda Ilahi. Tiada sebarang bentuk kesenangan dunia yang diharapkan daripada perbuatan yang dilakukan. Secara lebih jelas, amalan dan perbuatan yang dilaksanakan secara ikhlas tidak bermatlamat untuk mendapatkan kemewahan, pujian, harta, kedudukan, populariti, simpati atau untuk memuaskan hawa nafsu sendiri.

Ikhlas adalah elemen penting dalam sesuatu ibadah atau perbuatan kerana ia merupakan syarat penerimaan ibadah atau perbuatan oleh Allah (Ulwan, 1996). Ikhlas boleh disifatkan

sebagai satu bentuk manifestasi yang indah dan positif daripada tauhid sehingga setiap tindakan yang dilakukan dalam rangka pengabdian dan memohon pertolongan-Nya.

Di dalam Quran, Allah menggesa insan untuk bersifat ikhlas seperti dalam surah al-Bayyinah ayat 5 yang bermaksud :

Padahal mereka tidak disuruh kecuali supaya menyembah Allah dengan memurnikan ketaatan kepada-Nya dalam (menjalankan) agama yang lurus, dan supaya mereka mendirikan salat dan menunaikan zakat; dan yang demikian Itulah agama yang lurus.

Usaha untuk mencapai keikhlasan dalam ibadah atau pekerjaan menuntut individu untuk sedar dan sentiasa mengawasi dan menilai diri (Mohd Sulaiman Yasin, 1984) atau yang disebut oleh Al-Ghazali (1998) sebagai muhasabah diri. Ringkasnya elemen ikhlas amat penting bagi memastikan amalan dan pengajaran yang dilaksanakan memperolehi pahala dan didikan Allah. Tanpa elemen ikhlas, ibadat atau amalan yang dilakukan tiada nilai dan tidak memberi kesan positif kepada jiwa insan.

Selain daripada ihsan merujuk kepada maksud ikhlas dalam melakukan apa juga perkara dan amalan, ihsan juga merujuk kepada segala bentuk perbuatan baik yang dilakukan untuk mendapat keredaan Allah serta mengangkat darjat dirinya sebagai manusia.

Kewajipan seorang muslim

Berdasarkan satu hadis yang popular, terdapat enam kewajipan seorang muslim kepada muslim yang lain. Maksud hadis tersebut ialah sebagaimana berikut:

Dari Abu Hurairah bahwa Rasulullah SAW bersabda: Hak seorang muslim terhadap seorang muslim ada enam perkara. Lalu baginda ditanya; 'Apa yang enam perkara itu, ya Rasulullah?' Jawab baginda: Bila engkau bertemu dengannya, ucapkanlah salam kepadanya. Bila dia mengundangmu, penuhilah undangannya. Bila dia minta nasihat, berilah dia nasihat. Bila dia bersin lalu dia membaca tahmid, doakanlah semoga dia beroleh rahmat. Bila dia sakit, ziarahilah dia. Dan bila dia meninggal dunia, ikutlah mengiringi jenazahnya ke kubur.'(HR Muslim No: 4023)

Hadis di atas secara jelas memaparkan enam perkara yang menjadi kewajipan individu muslim untuk menunaikan kebaikan untuk saudara muslimnya. Keenam-enam perkara tersebut sangat berkait rapat dengan situasi dalam kehidupan sebenar seharian kita. Perkara yang paling mudah ialah memberi salam. Walaupun ia kelihatan mudah tetapi tidak ramai yang mahu memberi salam tetapi jika kita benar-benar memahami maksud di sebalik salam yang diucapkan iaitu doa yang kita lafazkan kepada saudara kita maka salam ialah medium untuk mengeratkan hubungan persaudaraan. Walaupun memberi salam hukumnya sunat dan menjawab salam hukumnya wajib namun pahala memberi salam lebih besar berbanding menjawab salam. Ternyata Islam mendidik setiap seorang daripada kita bukan sahaja untuk menunaikan kewajipan kepada saudara Islam yang lain tetapi menyuburkan kasih sayang antara sesama kita. Terdapat beberapa adab dalam memberi salam iaitu orang yang muda lebih utama memberi salam kepada yang berusia; kelompok yang sedikit kepada kelompok yang ramai; serta yang berada dalam kenderaan lebih afdal memberi salam kepada pejalan kaki atau yang duduk.

Begitu juga yang disebut dalam hadis tentang memenuhi undangan saudara kita ke majlis tertentu; memberi nasihat apabila saudara kita meminta pandangan daripada kita serta mendoakan saudara kita yang bersin dengan lafaz doa tertentu. Kesemua ini menunjukkan amalan yang mudah tetapi ditekankan dalam Islam bagi memastikan kasih sayang disuburkan antara individu. Ia juga membuktikan bagaimana lengkapnya Islam dan halusny Islam kerana memperhatikan perkara kecil yang mungkin akan diabaikan oleh manusia. Selain itu, kewajipan lain seorang muslim kepada muslim yang lain ialah menziarahi orang yang sakit serta mengiringi jenazah saudara kita hingga ke pusaranya. Indahny Islam kerana menyusun atur perkara kecil dalam kehidupan manusia agar hidup manusia teratur dan sekaligus memastikan hubungan yang harmoni antara satu sama lain. Dalam konteks menziarahi orang sakit ada adab yang perlu diikuti agar yang diziarahi itu selesa dan memperoleh kedamaian ketika berdepan ujian sakit. Mengiringi jenazah ke pusara pula bukan sekadar khidmat bakti dan tanda kasih kita kepada saudara kita yang dipanggil mengadap Ilahi tetapi juga menunjukkan empati kita kepada keluarga yang baharu kehilangan ahli keluarganya.

Oleh itu, enam perkara yang disebut sebagai kewajipan seorang muslim kepada muslim yang lain bukan sesuatu yang berat dan sukar tetapi mampu dilaksanakan. Ia adalah antara perkara ihsan iaitu kebaikan yang dapat mengangkat kedudukan manusia serta mendapat keredaan Allah.

Keutamaan ihsan

Terdapat banyak rakaman ayat al-Quran yang menjelaskan tentang keutamaan ihsan iaitu berbuat kebaikan. Antaranya ialah ayat 160 surah Al-`An`am yang berkisar tentang balasan berganda bagi individu yang berbuat ihsan atau kebaikan.

مَنْ جَاءَ بِالْحَسَنَةِ فَلَهُ عَشْرٌ مِّثْلِهَا وَمَنْ جَاءَ بِالسَّيِّئَةِ فَلَا يُجْزَى إِلَّا
مِثْلَهَا وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ﴿١٦٠﴾

Sesiapa yang membawa amal kebaikan (pada hari kiamat), maka baginya (balasan) sepuluh kali ganda (dari kebaikan) yang sama dengannya; dan sesiapa yang membawa amal kejahatan, maka ia tidak dibalas melainkan (kejahatan) yang sama dengannya; sedang mereka tidak dianiaya (sedikitpun).

Selanjutnya Allah menerangkan tentang keutamaan ihsan dengan menyatakan bahawa ihsan ialah perkara yang mesti dilakukan oleh individu kerana Allah telah berlaku ihsan dengan kita semua. Berdasarkan banyak perkara kebaikan yang Allah berikan kepada manusia, maka kita perlu membalasnya dengan amalan kebaikan juga. Ayat 77 Surah Al-Qasas menjelaskan:

وَأَبْتَعْ فِيمَا آتَاكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا وَأَحْسِن
كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ وَلَا تَبْغِ الْفُسَادَ فِي الْأَرْضِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ
الْمُفْسِدِينَ ﴿٧٧﴾

Dan tuntutanlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmatNya yang melimpah-limpah); dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan

Malah dalam ayat al-Quran seterusnya iaitu ayat 7 surah al-Isra' menyatakan bahawa individu yang melakukan ihsan iaitu kebaikan akan mendapat manfaat daripada kebaikan yang dia lakukan. Jika difikirkan secara logik, sememangnya orang yang berbuat baik akan diganjar dengan kebaikan juga sama ada ganjaran kebendaan atau yang berbentuk penghargaan dan pujian.

إِنْ أَحْسَنْتُمْ أَحْسَنْتُمْ لِأَنْفُسِكُمْ وَإِنْ أَسَأْتُمْ فَلَهَا فَإِذَا جَاءَ وَعْدُ الْآخِرَةِ لِيَسْئَرُوا وُجُوهَكُمْ وَلِيَدْخُلُوا الْمَسْجِدَ كَمَا دَخَلُوهُ أَوَّلَ مَرَّةٍ وَلِيُتَبِّرُوا مَا عَلَوْا تَتْبِيرًا ﴿٧﴾

Jika kamu berbuat kebaikan, (maka faedah) kebaikan yang kamu lakukan adalah untuk diri kamu; dan jika kamu berbuat kejahatan, maka (kesannya yang buruk) berbalik kepada diri kamu juga. Oleh itu, apabila sampai masa janji (membalas perbuatan derhaka kamu) kali kedua, (Kami datangkan musuh-musuh kamu) untuk memuramkan muka kamu (dengan penghinaan dan keanasannya); dan untuk memasuki masjid (BaitulMaqdis) sebagaimana mereka telah memasukinya pada kali yang pertama; dan untuk menghancurkan apa sahaja yang mereka telah kuasai, dengan sehancur-hancurnya.

Selain itu, dalam surah al-Nisa' ayat 125 pula, Allah menyifatkan orang yang berusaha melakukan ihsan dengan ikhlas maka dia dianggap memiliki sifat yang tinggi atau hebat.

وَمَنْ أَحْسَنُ دِينًا مِّمَّنْ أَسْلَمَ وَجْهَهُ لِلَّهِ وَهُوَ مُحْسِنٌ وَاتَّبَعَ مِلَّةَ إِبْرَاهِيمَ حَنِيفًا وَاتَّخَذَ اللَّهُ إِبْرَاهِيمَ خَلِيلًا ﴿١٢٥﴾

Dan tidak ada yang lebih baik agamanya daripada orang yang menyerahkan dirinya kepada Allah (dengan ikhlas), sedang ia berusaha mengerjakan kebaikan, dan ia pula mengikut agama Nabi Ibrahim yang lurus (yang tetap di atas dasar tauhid); dan (kerana itulah) Allah menjadikan Nabi Ibrahim kesayanganNya.

Jelas berdasarkan ayat di atas, individu yang terbaik agamanya apabila dia berusaha melakukan ihsan atau kebaikan dengan ikhlas tanpa bergantung kepada pujian dan balasan daripada manusia lain.

Akhir sekali dalam surah al-Nahl ayat 90, terdapat galakan dan dorongan daripada Allah agar individu melakukan kebaikan. Ini adalah kerana apabila kita melakukan kebaikan, jiwa kita akan tenang disebabkan individu yang kita berbuat baik akan menyukai kita dan mendoakan perkara yang baik untuk kita yang telah berbuat baik. Ayat tersebut menyatakan:

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ
وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾

Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman. Ia mengajar kamu (dengan suruhan dan laranganNya ini), supaya kamu mengambil peringatan mematuhiNya.

Berdasarkan penerangan di atas, jelas dapat difahami bahawa ihsan atau amalan kebaikan sememangnya sangat digalakkan oleh Allah. Ini terbukti dengan beberapa ayat al-Quran yang menegaskan perkara tersebut. Penegasan dan galakan Allah untuk membuat kebaikan juga

selaras dengan fitrah manusia dan sepatutnya ini tidak menimbulkan masalah untuk kita berbuat kebaikan.

Ciri-ciri individu yang melakukan ihsan

Selain daripada keutamaan ihsan yang disebut di dalam Al-Quran, Al-Quran turut mengemukakan beberapa ciri individu yang melakukan ihsan dalam kehidupannya. Terdapat beberapa ayat al-Quran yang secara jelas memaparkan beberapa amalan yang lazim dilaksanakan oleh orang yang berbuat ihsan. Antaranya ialah surah al-Zariyat ayat 16-19 yang secara jelas menyenaraikan dua amalan yang sangat digalakkan. Amalan tersebut ialah menyumbang harta kepada orang miskin yang memerlukan sama ada orang miskin itu jenis yang suka meminta atau yang sebaliknya. Amalan kedua yang disebut dalam ayat berkenaan ialah mendirikan solat malam iaitu dengan mengorbankan masa rehat dan tidur malam. Surah al-Zariyat ayat 16 hingga 19 ialah sepertimana berikut:

ءَاخِذِينَ مَا آتَاهُمْ رَبُّهُمْ إِنَّهُمْ كَانُوا قَبْلَ ذَلِكَ مُحْسِنِينَ ﴿١٦﴾

كَانُوا قَلِيلًا مِّنَ اللَّيْلِ مَا يَهْجَعُونَ ﴿١٧﴾

وَبِالْأَسْحَارِ هُمْ يَسْتَغْفِرُونَ ﴿١٨﴾

وَفِي أَمْوَالِهِمْ حَقٌّ لِّلسَّائِلِ وَالْمَحْرُومِ ﴿١٩﴾

(Keadaan mereka di sana) sentiasa menerima nikmat dan rahmat yang diberikan kepadanya oleh Tuhan mereka. Sesungguhnya mereka di dunia dahulu adalah orang-orang yang berbuat kebaikan. Mereka sentiasa mengambil sedikit sahaja: masa dari waktu malam, untuk mereka tidur. Dan pada waktu akhir malam (sebelum fajar) pula, mereka selalu beristighfar kepada Allah (memohon ampun). Dan pada harta-harta mereka, (ada pula bahagian yang mereka tentukan menjadi) hak untuk orang miskin yang meminta dan orang miskin yang menahan diri (daripada meminta).

Seterusnya individu yang melakukan ihsan ialah mereka yang sanggup berjihad iaitu mengorbankan nyawa, tenaga dan harta untuk Islam. Ini dijelaskan oleh Allah s.w.t. dalam surah al-Ankabut ayat 69 iaitu:

وَالَّذِينَ جَاهَدُوا فِينَا لَنَهْدِيَنَّهُمْ سُبُلَنَا وَإِنَّ اللَّهَ لَمَعَ الْمُحْسِنِينَ ﴿٦٩﴾

Dan orang-orang yang berusaha dengan bersungguh-sungguh kerana memenuhi kehendak agama Kami, sesungguhnya Kami akan memimpin mereka ke jalan-jalan Kami (yang menjadikan mereka bergembira serta beroleh keredaan); dan sesungguhnya (pertolongan dan bantuan) Allah adalah berserta orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya.

Dalam ayat di atas, Allah menjanjikan bahawa individu yang bersungguh melakukan pengorbanan dalam hidupnya untuk agama sama ada menerusi sumbangan tenaga, idea, harta dan nyawa akan diberi petunjuk, bantuan dan dan keredaan-Nya. Ciri individu yang melakukan ihsan selanjutnya ialah mereka yang berusaha mematuhi apa yang dibawa oleh Rasul s.a.w. Ini jelas dikemukakan dalam surah Al-Zumar ayat 33 iaitu:

وَالَّذِي جَاءَ بِالصِّدْقِ وَصَدَّقَ بِهِ أُولَئِكَ هُمُ الْمُتَّقُونَ ﴿٣٣﴾

Dan (nyatalah bahawa) yang membawa kebenaran (tauhid dan hukum agama) serta ia (dan pengikut-pengikutnya) mengakui kebenarannya (dengan mematuhi hukum itu), mereka itulah orang-orang yang bertaqwa

Perbuatan memberi kemaafan juga salah satu ciri individu yang melakukan ihsan. Memberi kemaafan bukan suatu perbuatan yang mudah untuk dilakukan tetapi ia merupakan amalan kebaikan yang besar pahalanya di sisi Allah. Dalam surah al-Maidah ayat 13 Allah berfirman yang bermaksud:

Oleh itu, maafkanlah mereka (jika mereka sedia bertaubat) dan janganlah dihiraukan, kerana sesungguhnya Allah suka kepada orang-orang yang berusaha supaya baik amalannya.

Selain itu, sabar juga adalah ciri individu yang mengamalkan ihsan. Dalam surah Hud dijelaskan dalam ayat 115 iaitu:

وَأَصْبِرْ فَإِنَّ اللَّهَ لَا يُضِيعُ أَجْرَ الْمُحْسِنِينَ ﴿١١٥﴾

Dan sabarlah (wahai Muhammad, engkau dan umatmu, dalam mengerjakan suruhan Allah), kerana sesungguhnya Allah tidak akan menghilangkan pahala orang-orang yang berbuat kebaikan.

Orang yang bersabar akan diberi pahala kerana ia salah satu perkara atau amalan kebaikan atau ihsan.

Individu yang paling utama untuk berlaku ihsan

Sememangnya melakukan kebaikan atau ihsan kepada sesiapa sahaja sangat digalakkan dalam Islam. Malah, ihsan bukan sahaja terhadap sesama muslim tetapi kepada sesama manusia sehingga ihsan juga digalakkan kepada alam seperti haiwan dan tumbuh-tumbuhan.

Di dalam surah Al-Isra' ayat 23 hingga 24, Allah secara jelas menekankan tentang kewajipan berlaku ihsan kepada ibubapa. Ihsan atau berbuat baik kepada ibubapa disebut setelah arahan agar tidak menduakan Allah.